

Lembaran Penjelasan Produk

Baca Lembaran Penjelasan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk ini. Sila pastikan anda telah membaca terma dan syarat. Dapatkan penjelasan daripada institusi anda sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma

Pembiayaan Peribadi-i

Tarikh : _____

1 Produk apakah ini?

Produk ini adalah pembiayaan peribadi Islamik tanpa cagaran. Keuntungan yang dikira adalah berdasarkan kadar keuntungan berubah dan kiraan bulanan.

2 Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Produk Pembiayaan Peribadi-i ini adalah berdasarkan konsep Tawarruq, di mana:

- Melalui borang permohonan pembiayaan, Pelanggan, akan menandatangani Permintaan Pembelian dan Akujanji Membeli Komoditi (Wa'd) daripada Bank pada Harga Jualan berdasarkan Murabahah iaitu yang termasuk harga kos Komoditi dan margin keuntungan. Pada masa yang sama, Pelanggan juga melantik Bank sebagai ejen (Wakalah) untuk menjual Komoditi tersebut kepada pedagang komoditi pihak ketiga.
- Setelah permohonan diluluskan, Bank akan menawarkan Kemudahan melalui sistem pesanan ringkas ("SMS"). Apabila Pelanggan memberi maklum balas untuk menerima tawaran melalui SMS, Bank akan membeli Komoditi (masa siaran telekomunikasi) pada harga kos yang bersamaan dengan Harga Belian /Jumlah Pembiayaan.
- Apabila hak milik Komoditi telah berpindah kepada Bank, Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada Pelanggan pada Harga Jualan berdasarkan Murabahah yang akan dibayar oleh Pelanggan kepada Bank dengan cara ansuran atau berasaskan pembayaran tertunda. Pelanggan akan membeli Komoditi yang sama pada Harga Jualan. Transaksi jualan Murabahah ini dilaksanakan melalui SMS.
- Apabila selesai item ii dan iii di atas, Bank, yang bertindak sebagai ejen Pelanggan akan menjual Komoditi tersebut kepada pedagang komoditi pihak ketiga pada harga kos Komoditi yang bersamaan dengan Harga Belian. Hasil daripada jualan Komoditi akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan semasa pembayaran Kemudahan.

3 Apa itu Kadar Asas Standard ("KAS")?

Kadar Asas Standard (KAS) yang ditawarkan untuk produk ini berdasarkan kadar penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras sekarang dihubungkan sebagai Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia.


Untuk maklumat lanjut mengenai pelaksanaan KAS, sila rujuk Panduan Pengguna BNM dan Soalan Lazim di

<https://www.mbsbbank.com/bm/sbr-br-bfr>

4 Apakah keberangkalian keadaan yang menyebabkan perubahan KAS?

KAS boleh naik dan turun mengikut perubahan kadar penanda aras iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR).

5 Rujukan penanda aras KAS untuk 3 tahun terdahulu



Nota: Sila rujuk sejarah penanda aras KAS terkini di www.mbsbbank.com.

6 Apakah yang saya dapat dari produk ini?

- Jumlah Pembiayaan : _____
- Tempoh Pembiayaan : _____ tahun
- Kadar Keuntungan : KAS + _____ setahun
- Kadar Keuntungan Efektif : _____ setahun
- Kadar Keuntungan Siling : _____ setahun
- Jumlah Harga Jualan : _____

* KAS Semasa: _____

7 Apakah tanggungjawab kewangan saya?

- Bayaran ansuran bulanan seperti berikut
 _____ bulan pertama : _____ dan
 _____ bulan terakhir : _____
- Jumlah Harga Jualan yang perlu dibayar adalah RM _____
- Sekiranya berkenaan, rebat akan diberi berdasarkan perbezaan antara Kadar Keuntungan Efektif dan Kadar Keuntungan Siling dan selagi Kadar Keuntungan Efektif adalah lebih rendah daripada Kadar Keuntungan Siling.

Penting: Sekiranya berlaku perubahan dalam KAS, bayaran ansuran bulanan anda mungkin berubah sewajarnya. Walau bagaimanapun, jumlah bayaran tidak seharusnya melebihi Harga Jualan. Bank akan memberi notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) tujuh (7) hari sebelum tarikh berkuatkuasa perubahan sekiranya berlaku perubahan dalam bayaran ansuran bulanan tersebut.

Kadar	KAS Semasa =	Jika KAS naik 1% =	Jika KAS naik 2% =
Bayaran Bulanan	RM _____	RM _____	RM _____
Jumlah caj keuntungan pada akhir tempoh [5] tahun	RM _____	RM _____	RM _____
Jumlah bayaran pada akhir tempoh [5] tahun	RM _____	RM _____	RM _____

Nota:

- Pihak Bank akan menyediakan butiran amaun ansuran bulanan yang disemak semula dengan memberi notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh ansuran bulanan yang disemak semula itu berkuatkuasa.
- Kalkulator pembiayaan boleh didapati di laman web Bank untuk rujukan Pelanggan. Semua pengiraan adalah anggaran, berdasarkan kadar keuntungan indikatif.

8 Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Yuran Wakalah : _____ (tertakluk kepada SST sebanyak 6% dan/atau lain-lain cukai yang terpakai)
- Caruman Takaful : _____
- Produk gabungan lain (jika ada)
 Nama Produk : _____
 Jumlah : _____

9 Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- **Semasa tempoh Kemudahan:** Pampasan Bayaran Lewat (Ta'widh) akan dikenakan pada kadar tidak melebihi satu peratus (1%) setahun ke atas jumlah tunggakan atau apa-apa kaedah atau kadar lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank dari semasa ke semasa. Pampasan Bayaran Lewat (Ta'widh) ini tidak dikompaunkan.
- **Selepas tempoh matang Kemudahan:** Pampasan Bayaran Lewat (Ta'widh) akan dikenakan pada kadar yang tidak melebihi kadar semasa *Islamic Interbank Money Market* ("IIMM") ke atas baki tertunggak.
- **Sekiranya tunggakan yang mengakibatkan pembiayaan ditarik semula atau dibawa ke mahkamah sebelum tempoh matang,** pada kadar tidak melebihi satu peratus (1%) setahun atas jumlah tertunggak (baki pokok dan keuntungan terakru).
- **Sekiranya tunggakan bayaran ke atas sebarang jumlah tertunggak selepas perbincaran,** pada kadar tidak melebihi kadar IIMM yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia atas jumlah tertunggak (tidak termasuk kos undang-undang dan pampasan bayaran lewat yang belum dipungut) dari tarikh perbincaran sehingga jumlah yang dibicarakan selesai sepenuhnya.
- Bank boleh menolak selesai mana-mana baki kredit dalam akaun anda di Bank terhadap sebarang baki di dalam akaun pembiayaan dengan memberi notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) tujuh (7) hari sebelum penolakan tersebut dilaksanakan.
- Bank boleh mengambil tindakan undang-undang dan semua kos berkaitan akan ditanggung oleh Pelanggan. Tindakan undang-undang akan memberi kesan kepada penilaian kredit anda dan boleh menyebabkan permohonan Kemudahan kewangan anda lebih sukar dimasa akan datang.

10 Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Perlindungan Takaful Berkelompok Bertempoh (GCFT) adalah tidak diwajibkan. Tetapi ia sangat digalakkan untuk melindungi anda ke atas sebarang jumlah yang belum dibayar sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal. Perlindungan Takaful perlu diambil daripada panel syarikat Takaful Bank atau syarikat Takaful pilihan anda yang diluluskan oleh Bank. Jumlah sumbangan akan ditolak daripada jumlah pembiayaan. Bank juga menawarkan produk Pengurusan Kekayaan lain sebagai pilihan melalui pakej produk gabungan Pembiayaan Peribadi-i. Ia juga tertakluk kepada pembaharuan.

11 Jika ada lebih bayaran semasa penyelesaian atau penutupan akaun, adakah saya akan mendapat bayaran balik?

Ya, anda akan mendapat bayaran balik.

12 Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pembiayaan ini sebelum tarikh matang?

Bank akan memberikan Ibra' (rebat) kepada Pelanggan dalam keadaan:

- Penyelesaian awal atau penebusan awal Kemudahan tersebut; atau
- Penyelesaian kontrak pembiayaan asal kerana penyusunan semula pembiayaan; atau
- Penyelesaian oleh Pelanggan dalam kes kemungkiran; atau
- Penyelesaian oleh Pelanggan sekiranya berlaku penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

- Ibra' (rebat) dikira berdasarkan formula di bawah:

Ibra' (rebat) semasa penyelesaian = Untung Tertanggung - Caj Penyelesaian Awal (jika ada)

Jumlah penyelesaian = Baki Harga Jualan + Bayaran Ansuran Tertunggak + Pampasan Bayaran Lewat (Ta'widh) - Penyelarasan ke atas Ibra' (rebat) disebabkan perubahan pada Kadar Keuntungan Efektif (jika ada) - Ibra' (rebat) semasa penyelesaian

13 Apakah risiko utama?

- Kadar keuntungan boleh ubah selaras dengan perubahan kadar rujukan (iaitu KAS). Kenaikan kadar keuntungan boleh menyebabkan bayaran bulanan lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kenaikan kadar keuntungan dihadkan kepada Kadar Keuntungan Siling.
- Sekiranya anda menghadapi apa-apa kesukaran dalam melaksanakan tanggungjawab anda, sila hubungi Bank terlebih dahulu untuk membincangkan bayaran alternatif. Ini adalah untuk mengelakkan tindakan undang-undang jika anda tidak dapat membayar balik bayaran bulanan anda.

14 Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Penjamin atau cagaran tidak diperlukan.

15 Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Anda perlu memaklumkan kepada Bank jikalau terdapat apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan untuk memastikan semua perhubungan sampai kepada anda tepat pada masanya. Sila hubungi 03-2096 3000 (Pusat Khidmat Pelanggan) atau kunjungi cawangan Bank terdekat untuk mengemaskini sebarang perubahan.

16 Di mana saya boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan?

Jika anda menghadapi masalah dalam membuat bayaran, hubungi Bank dengan segera untuk membincangkan bayaran alternatif. Anda boleh menghubungi Bank di:	Secara alternatif, anda boleh meminta perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma bagi individu. Hubungi AKPK di:
Jabatan Kutipan & Pemulihan Tingkat 7, Wisma MBSB Bank, 48, Jalan Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur No. Tel : 03-2083 5000 Emel : ecu.careline@mbsbbank.com	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit Tingkat 5 dan 6, Menara Aras Raya (sebelum ini dikenali sebagai Menara Bumiputra Commerce), 50250 Kuala Lumpur, No. Tel : 1 800 88 2575 E-mel : enquiry@akpk.org.my
Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, anda boleh menghubungi Bank di:	Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mempunyai aduan yang tidak diselesaikan oleh Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:
Jabatan Pengurusan Pengalaman Pelanggan Tingkat 25, Menara MBSB Bank, PJ Sentral Jalan Persiaran Barat, Seksyen 52 46200 Petaling Jaya, Selangor No. Tel : 03-2096 3000 E-mel : complaint@mbsbbank.com / enquiry@mbsbbank.com Web : www.mbsbbank.com	Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur, No. Tel. : 1-300-88-5465 No. Faks : 03-2174 1515 E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

17 Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

- Untuk maklumat lanjut berkenaan Pembiayaan Peribadi-i, sila layari www.mbsbbank.com atau hubungi Bank di:

Jabatan Pembiayaan Peribadi-i
Bahagian Perbankan Konsumer
Tingkat 3, Menara MBSB Bank, PJ Sentral
Jalan Persiaran Barat, Seksyen 52
46200 Petaling Jaya, Selangor
No. Tel : 03-7455 5555
Web : www.mbsbbank.com

NOTA PENTING :

TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MENJELASKAN BAYARAN ANSURAN BULANAN PEMBIAYAAN PERIBADI-i ANDA

Maklumat dalam Lembaran Penjelasan Produk ini sah pada : _____